

BAB KEDUA

SEJARAH REMBAU DAN SISTEM PENTADBIRANNYA

2.0 PENGENALAN

Sejak kurun ke-12 lagi dengan kedatangan orang Minangkabau, Rembau telah menjadi satu Luak di Negeri Sembilan yang amat berpegang teguh dengan sistem Adat Perpatih. Bukan sahaja dalam aktiviti sosial masyarakatnya seperti adat istiadat perkahwinan, perwarisan harta, hukuman bagi kesalahan bahkan meliputi dalam bidang pentadbiran Luaknya. Justeru itu, terdapat banyak perbezaan dalam kebanyakan adat istiadat dan pentadbiran dalam Luak ini. Bahkan Luak Rembau bukan sahaja berbeza jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain seperti Perak, Selangor atau Melaka yang mengamalkan Adat Temenggung, tetapi ia juga berbeza di kalangan Luak-luak di dalam Negeri Sembilan sendiri seperti Luak Sungai Ujong, Luak Johol dan Luak Jelebu.

Perbezaan ini adalah kerana pembentukan satu sistem bagi sesebuah tempat atau satu-satu kawasan amat berkait rapat dengan sejarah, kerana sesuatu sistem itu merupakan satu lanjutan tindakan yang berlaku hasil dari kesan sejarah sesuatu tempat tersebut. Begitu jugalah halnya yang berlaku dalam Luak Rembau di mana sejarah Rembau itu memainkan peranan yang besar dalam pembentukan sistem

pentadbiran Adat Perpatih di Luaknya secara amnya dan sistem pelantikan Undang Rembau secara khususnya sebagai tajuk perbincangan bab ini.

2.1 SEJARAH REMBAU

Satu sorotan perjalanan sejarah Rembau diteliti bagi melihat bagaimana sejarah memainkan peranan yang penting dalam pembentukan sistem pelantikan Undang Luak Rembau ini. Sama ada dari segi sejarah pembukaannya, kedatangan orang Minangkabau ke Rembau yang membentuk satu pentadbiran Adat Perpatih di Rembau sehingga sejarah kedatangan orang Barat ke Rembau.

2.1.1 Pembukaan Rembau

Pendudukan asal Rembau ialah orang Jakun¹ yang disebut juga sebagai orang *Biduanda*.² Mengikut ahli sejarah kaji manusia, mereka telah datang ke Alam Melayu ini kira-kira 2,500 hingga 1,500 tahun sebelum masehi terkenal dengan

¹ Istilah Jakun ini berasal dari perkataan Indo-China; *Jah-Kun* yang bermaksud orang lelaki (Wilkinson, R.J. (1955), *A Malay-English Dictionary*, London: Macmillan & Co. Ltd hlm. 437.) Menurut Teuku Iskandar pula Jakun adalah berasal dari bahasa Minangkabau yang bererti halkum. (Teuku Iskandar (2000), *Kamus Dewan*, Edisi Ketiga, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 431.)

² Biduanda adalah dalam bahasa halus yang digunakan kepada saudara baru Islam pada zaman Kesultanan Melaka (Winsted, R.O.(1934), *History of Negeri Sembilan* dalam JMBRAS, 19, 12(3), hlm. 43. Wilkinson, R.J. (1955), *op.cit.*, h. 138.

sebutan *Melayu Proto*.³ Namun, dengan tiada bukti-bukti yang jelas, maka tidak dapat dinyatakan dengan tepat bilakah tarikh Rembau dibuka. Cuma apabila kedatangan orang Minangkabau ke Rembau telah terbuka daerah ini dan ketuanya bergelar *Batin*.⁴

Walaupun begitu, terdapat beberapa kajian dari sarjana tempatan dan barat mengenai Rembau pada zaman awal pembukaannya. Mengikut Abas Hj. Ali, yang memetik tulisan C.W.C Par dan W.H. Mackray⁵ terdapat tiga cerita yang berbeza tentang pembukaan Rembau. Cerita-cerita tersebut ialah :

- i. Cerita tentang satu angkatan yang diketuai oleh seorang batin yang bernama Batin Cepa iaitu adik lelaki kepada Batin Seri Bujai (Bujek) yang membuka Sungai Ujung. Batin inilah yang dikatakan mula-mula membuka Daerah Rembau.
- ii. Cerita tentang seorang penghulu Sakei yang bernama Raja di Gunung yang mempunyai seorang anak angkat perempuan yang berasal dari sebuah gua. Anak itu dikahwinkan dengan Jaya Putera dari keturunan raja-raja Johor. Bermula dari sinilah keturunan orang-orang Rembau.

³ Abdul Samad Idris et. al. (1968), *Negeri Sembilan dan Sejarahnya*, Kuala Lumpur: Utusan Melayu Berhad, hlm. 165. Lihat juga Buyung Adil (Hj) (1981), *Sejarah Negeri Sembilan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 5.

⁴ *Ibid*.

⁵ Par, C.W.C dan Mackray, W.H. (1910), *Rembau, One of the Nine States: Its History, Constitution and Customs*, dalam JSBRAS, 56, hlm. 1-57.

iii. Cerita mengenai Batin Sekudai⁶ ia mempunyai 3 orang anak perempuan iaitu Tok Mudek, Tok Mengkudu dan Tok Bungkal. Tok Mudek dikatakan menjadi moyang kepada Kelana Putera iaitu kepala waris Sungai Hujung dari perkahwinannya dengan seorang laki-laki dari Pesawai. Tok Mengkudu pula berkahwin dengan seorang Syed dan keturunannya yang menjadi bendahara di Pahang. Sementara anak bongsu iaitu Tok Bungkal berkahwin pula dengan Tok Lela Balang, seorang ketua Minangkabau dari suku Paya Bidara.⁷ Keturunan mereka inilah yang menjadi waris Lela Maharaja yang disebut juga Biduanda Waris Jakun, iaitu salah satu waris yang boleh mewarisi Undang Rembau.⁸

Walau bagaimanapun cerita yang ketiga dipersetujui oleh kebanyakan ahli sejarah dan tokoh budaya yang merupakan penduduk tempatan yang berpandukan tradisi lisan. Cerita ini juga diakui oleh Abdul Samad Idris dan beliau menyatakan asal nama Rembau ini dikaitkan dengan sebatang pokok kayu *merbau* yang luar biasa besar dan tingginya.⁹ Ini dijelaskan di dalam buku beliau yang bertajuk *Negeri Sembilan dan Sejarahnya* yang berbunyi:

⁶ Bukannya Bendahara Sekudai Johor sebagaimana yang disebutkan oleh Tun Sri Lanang dalam *Sejarah Melayu* sebagai Bendahara Paduka Raja Johor. (Abdul Samad Idris(1968), *op. cit.*, hlm. 168.)

⁷ Abas Hj. Ali (1953), *Rembau Sejarah Perkembangan Adat dan Istiadatnya*, Jabatan Undang dan Perlembagaan Adat Istiadat Melayu Rembau, Rembau, hlm..2.

⁸ Ibrahim Mustapa (1981), *Sejarah Ringkas Kedatangan Orang-orang Minangkabau dan Adat Perpatih ke Negeri Sembilan* dalam Warisan 6, Persatuan Sejarah Malaysia cawangan Negeri Sembilan, hlm. 23. Abdul Samad Idris (1968), *op. cit.*, hlm. 168, Buyung Adil (1981), *op. cit.*, hlm. 28.

⁹ Abdul Samad Idris (1968), *op.cit*, hlm. 164. Harvey, D.F.A (1883), *Rembau*, JMBRAS, No 13, June, hlm. 241. Newbold, T.J. (1839), *Political and Statal Account of British Settlements in the Malacca Peninsular*, Volume II, hlm. 114. Temuramah bersama Hj. Hussein Kaman, Buapak yang memegang

*“...tatkala orang Asli yang mula-mula meneroka Rembau itu, turun dari Gunong Rembau (Gunung Datok) apabila mereka sampai disakeping tanah rata, ia-itu Kampong Kota sekarang ini, mereka telah berjumpa dengan sa-batang pokok kayu **merbau** yang luar biasa besar dan tinggi-nya. Memandang pada ajaibnya pokok itu dan memandang pula pada elok kedudukan-nya itu mereka pun berchadang-lah hendak berbuat negeri di- situ.”¹⁰*

Buku Sejarah Melayu (versi W.G. Shellabear-1954) tidak mencatatkan sejarah awal Rembau secara langsung, tetapi ada menyebut nama beberapa tempat-tempat dan nama orang yang mengikut penulis sejarah Negeri Sembilan amnya dan Rembau khususnya sebagai ada kaitan dengan Luak Rembau. Nama-nama tersebut adalah Kundur, Kuala Penajoh, Lubuk China dan Tun Rembau. Nama Kundur contohnya, ia merupakan salah sebuah nama kampung di daerah Rembau (lihat peta A1) telah disebut semasa menceritakan tentang pembahagian tugas untuk mempercepatkan proses pembinaan istana baru Sultan Mahmud Shah (1459-1477)¹¹

“... Orang Kundur Membuat balai apit pintu keduanya...”¹²

Abas Hj. Ali, berkaitan dengan ini telah membuat kesimpulan :

“... menunjukkan bahawa Rembau ialah sebuah jajahan yang diperintah oleh Orang Besar-Orang Besar (Bendahara) Melaka juga dengan Kundur sebagai pusat pentadbiran Luaknya...”¹³

Beliau juga telah berpendapat dalam peta d'Eredia (lihat peta A2) tahun 1613 Masihi, Rembau¹⁴ telah ada di samping nama-nama Kelang, Sungai Ujong, Johol dan

gelaran Datuk Seri Amar Raja pada 16hb. Januari 2000 dan cerita ini juga amat popular dikalangan penduduk tempatan.

¹⁰ Abdul Samad Idris (1968), *Ibid.*, hlm. 164.

¹¹ Norhalim Hj. Ibrahim (1995) , *Negeri Sembilan : Daerah Kecil Pesaka Adat Warisan Kerajaan Berdaulat*, Shah Alam: Fajar Bakti, hlm. 15.

¹² Shellabear, W.G. (1954) (ed.), *Sejarah Melayu or The Malay Annals*, Singapura: The Malaya Publishing House Ltd., hlm. 116.

¹³ Abas Hj. Ali, (1953), *op.cit.*, hlm. vii.

Jempul.¹⁵ Catatan ahli sejarah Portugis menyatakan, peta d'Eredia itu sungguhpun tidak menyebutkan apakah bangsa orang yang menduduki Rembau pada masa Portugis menakluki Melaka tahun 1511, tetapi dengan jelas menerangkan bahawa Rembau adalah sebahagian daripada daerah Kerajaan Melayu Melaka.¹⁶

Melihat kepada peta d'Eredia ini, Prof. Norhalim Ibrahim membuat kesimpulan bahawa Rembau telah berpenduduk pada zaman Kerajaan Melayu Melaka pada sekitar awal dekad kedua abad ke-16. Ia merupakan pusat sosio-budaya dan politik bagi kawasan pedalaman Melaka. Peta lakar d'Eredia yang ada mencatatkan Rembau adalah di dalam kerajaan Minangkabau (Regiam de Monancabos) (lihat peta A3) adalah sebagai bukti menunjukkan Rembau juga adalah pusat pentadbiran bagi kerajaan Minangkabau yang terletak di pedalaman Melaka ketika itu.¹⁷

Melalui kajian para sarjana ini maka dapatlah dibuktikan bahawa di awal pembukaan Rembau, masih belum wujud lagi sistem pelantikan Undang di sini. Rembau ketika itu masih lagi tidak mempunyai pemimpin yang menjalankan pimpinan secara sistematik. Cuma ketika itu Rembau diketahui sebagai daerah yang dibawah naungan kerajaan Melayu Melaka dan penduduk asli Rembau hanya dipimpin oleh ketua puak mereka yang digelar Batin.

¹⁴ Dalam Peta tersebut tercatat nama ‘Rombo’ kawasan di mana Rombo itu dicatatkan adalah bersamaan dengan kawasan Rembau sekarang. (Norhalim Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 25.)

¹⁵ Abas Hj. Ali, (1953), *op.cit.*,

¹⁶ *Ibid.* h. ix., juga lihat Wilkinson, R.J. 1971), *Paper On Malay Subject*, Kuala Lumpur: Goverment Printers. h. 283, Shellabear, W.G. (1954), *op. cit.* , hlm. 135.

¹⁷ Norhalim Hj. Ibrahim (1995) *op. cit.*, hlm. 28.

2.1.2 Kedatangan Orang Minangkabau ke Rembau

Orang Minangkabau tergolong ke dalam kelompok manusia yang paling banyak bergerak. Pergerakkan ini mengikut konsep budaya Minangkabau yang diistilahkan sebagai ‘merantau’.¹⁸ Perantauan mereka ini pada mulanya bertujuan untuk *lari*¹⁹ dan meneroka tanah pertanian. Hasil yang diperolehi oleh perantau yang telah balik ini menjadi faktor penolak kuat kepada anak-anak muda keluar mencari kekayaan. Akhirnya fenomena ‘lari ke rantau’ ini telah berubah menjadi darah daging dalam diri individu dan dalam sosial Minangkabau. Kebanyakan perantau bukan lagi ‘pelarian’ semata-mata tetapi merantau untuk tujuan ekonomi dan perluasan rantau mereka sendiri.²⁰

Perantauan mereka ini bermula di Pantai Timur Pulau Sumatera dengan menjadi petani serta pedagang. Kemudian mereka menjadi lebih aktif dalam perdagangan terutama sekali apabila mereka merantau ke Temasik. Atas keinginan untuk mencari bahan dan barang dagangan ini telah mendorong mereka meneroka kawasan baru. Mereka mudik dari kawasan Sang Hyang Hujung (Tanjung Tuan)²¹ ke

¹⁸ *Ibid.* hlm. 43.

¹⁹ Lari dari daerah asal mereka Luak Nan Tigo kerana huru-hara dan menolak (tidak bersetuju) terhadap Undang-undang sebelumnya (Undang-undang Luak Nan Tigo dan Undang-undang Tariek Balieh). (*Ibid.* hlm. 43)

²⁰ *Ibid.* hlm. 49.

²¹ Daftar Negara-negara yang menjadi jajahan takluk Kerajaan Majapahit (lihat Wojowasito, S. Drs (1960), *Sedjarah Kebudayaan Indonesia 2*. Jakarta: Penerbit Kalimodoso, h. 60 dan Coedes, G.(1968), *The Indianized States of Southeast Asia*, S.B. Cowing (terj.), Kuala Lumpur: University of Malaya Press, hlm. 244). Sang Nyang Hujung telah di kenal pasti oleh Coedes sebagai Cape Rachado atau Tanjung Rachado oleh Wojowasito. Sang Hyang Hujung bermaksud kepala tuhan atau kepala suci (holy head). Nama ini selari dengan namanya sekarang yakni Tanjung Tuan. Mengikuti Gullick nama Tanjung Tuan itu berasal daripada nama Tanjung Tuhan (Gullick, J.M. (1949), *Sungai Ujong* dalam JMBRAS, 22 (2), hlm. 1). Sebelum tahun 1880-an, kawasan ini dan juga kawasan pantai di sekitarnya (Daerah Port Dickson sekarang) adalah sebahagian daripada negeri Selangor. Persoalannya :

pedalaman mengikut Sungai Linggi, Sungai Rembau dan Sungai Penajis untuk sampai ke kawasan Rembau.²²

Bermula dari sinilah penghijrahan orang Minangkabau ke Rembau. Kedatangan orang Minangkabau ini telah disebut dalam teromba²³ yang berbunyi;

*Gagak hitam gagak senoi,
Turun dari bukit berkaki empat,
Bangau putih,
Datang dari laut berkepak sayap.*

Teromba ini menerangkan tentang kedudukan penduduk asal yang menetap di pedalaman kawasan berbukit yang digambarkan sebagai *gagak hitam* dan *gagak senoi* manakala perantau orang Minangkabau yang datang berhijrah pula digambarkan sebagai *bangau putih* yang datang melalui jalan laut Laut Selat Melaka).²⁴ Orang Minangkabau ini diberi kuasa kependudukan serta kepercayaan oleh Sultan Johor.²⁵

Namun begitu sehingga kini tidak diketahui dan tiada bukti-bukti yang jelas dan pasti bilakah tarikh sebenar kedatangan orang Minangkabau ke Rembau.

bagaimana wilayah yang terletak di pinggir laut menjadi nama wilayah yang terletak di pedalaman, yang mengikut d'Eredia (1613) dan Newbold (1834) terletak di kawasan Seremban sekarang? Mengikut hipotesis Gullick (1949) nama Sang Hyang Hujung itu telah dipindahkan oleh penghijrah Minangkabau daripada kawasan tanjung Tuhan ke kawasan Seremban (Sungai Ujong) sekarang. Apabila pemindahan ini berlaku tidak pula tidak dinyatakan oleh Gullick. Kalau hipotesis ini betul, pemindahan ini telah berlaku sebelum tahun 1613 kerana mengikut catatan pada peta laskar d'Eredia, yang dilukis pada tahun tersebut, nama Tanjung Tuan telah digunakan untuk Cape Rachado. (lihat peta 3) (Norhalim Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 28).

²² Norhalim Hj Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 45.

²³ Teromba ialah sejarah yang diceritakan dalam bentuk perbilangan, tambo dan riwayat (Teuku Iskandar (2000), *op. cit.*, hlm. 1248.)

²⁴ Norhalim Hj Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 32,

²⁵ Abas Hj.Ali (1953), *op. cit.*, h. 1. Begbie, P.J. (1967), *The Malayan Peninsula*, Madras: Vepery Mission Press, cet. semula dengan 'Pendahuluan' oleh Diptendra M. Banerjee, Kuala Lumpur: Oxford University Press, hlm. 50.

Menurut T.J. Newbold orang Minangkabau datang ke Rembau bermula pada abad ke-12 (733 Hijrah).²⁶ Kurun ke-19 ini, P.E.L. Favre, dalam pandangannya yang lebih tegas menentukan tarikh kedatangan orang Minangkabau adalah seratus tahun selepas Temasik (Singapura) dibuka oleh Tun Nila Utama pada tahun 1160 Masihi. Ini bermakna Rembau telah dibuka pada tahun 1260 Masehi.²⁷

Antara dua pendapat ini, D.G.E Hall membuat kesimpulan bahawa penghijrah yang datang ke Rembau pada kurun ke 12 (Newbold) itu adalah terdiri daripada “pelarian” daripada sistem sosial Minangkabau dan sedikit sahaja di antara mereka yang datang dengan bermotifkan perdagangan. Manakala yang datang pada abad ke 13 (Favre) adalah sebaliknya.²⁸

Jelasnya di sini bahawa kedatangan orang Minangkabau ke Rembau adalah penghijrahan secara berperingkat-peringkat di dalam kumpulan yang kecil dan bukannya datang sekaligus dan terus menetap di Rembau kesemuanya. Kedatangan mereka mempunyai tujuan yang pelbagai mengikut situasi keadaan mereka ketika itu. Perpindahan mereka bukanlah hanya semata-mata untuk tujuan ekonomi sahaja tetapi juga untuk tujuan politik dan pentadbiran di samping untuk menyebarkan sistem adat tradisi mereka yang diwarisi dari tanah Minangkabau sendiri.

²⁶ Newbold, T.J (1934), *Sketch of the Four Menangkabaue State in the Interior or the Malayan Peninsula*, dalam J.M. Moora (ed.), hlm. 256.

²⁷ Favre, P.E.L (1848), *An Account of The Wild Tribes Inhabiting the Malayan Peninsula* dalam JIAEA, hlm. 239.

²⁸ Hall, D.G.E. (1955), *A History of Southeast Asia*, London: Macmillan Press., hlm. 77.

Kemudian apabila kejatuhan Melaka ke tangan Portugis pada 1511, raja Melaka yang berpindah telah membuat kerajaan di Johor pula. Maka dengan sendirinya Rembau telah bernaung di bawah Kerajaan Johor.²⁹ Kerajaan Johor pula menyusun kekuatan tenteranya untuk mengeluarkan Portugis daripada Melaka. Maka dengan sebab itu, kerajaan Johor tidak mengambil berat atau lebih tegas lagi tidak mencampuri hal politik Rembau. Keadaan Johor yang sedemikian dan keadaan Portugis di Melaka yang tidak mempunyai masa untuk terlibat dalam hal-chwal Rembau, maka Rembau seolah-olah sebagai suatu kawasan ‘aman’ terkeluar daripada pertelingkahan politik semasa yang berlaku disekitarnya. Keadaan Rembau yang aman ini dan di tambah pula dengan konsep budaya mereka yang suka bergerak ini telah menarik lebih ramai lagi orang Minangkabau dan tempat-tempat lain untuk membuat penempatan di Rembau.³⁰

Setelah kedatangan ramai orang dari Minangkabau, maka pada satu ketika berlakulah pertelagahan antara penduduk tempatan yang diketuai oleh Batin Sekudai dengan penghijrah dari Sumatera itu. Maka orang Rembau bersepakat mencari ketua untuk mereka dari Suku Paya Bidara di Minangkabau untuk dijadikan ketua di Rembau. Setelah diperkenankan oleh Sultan Munim Syah II, maka dua orang bersaudara bergelar Datuk Lela Balang dan adiknya bergelar Datuk Laut Dalam dipilih.³¹

²⁹ Abdul Samad Idris (1968), *op. cit.*, hlm. 180.

³⁰ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 74.

³¹ Temuramah bersama Hj. Nawawi Hj. Endek seorang Buapak yang memegang gelaran Datuk Panglima Dalam, pada 29hb Januari 2000.

Kedua-dua adik-beradik tadi berlepas dari Minangkabau ke Rembau dengan menaiki perahu yang berasingan. Malangnya perahu Datuk Laut Dalam dipukul gelombang dan hanyut sampai ke Pulau Jawa. Perahu Datuk Lela Balang selamat sampai ke destinasi di Kuala Linggi dan terus ke Rembau (Rembau Baruh). Persetujuan antara pihak Batin Sekudai dan penghijrah Sumatera dicapai dengan mengahwinkan Datuk Lela Balang dengan anak Batin Sekudai bernama Tok Bungkal yang telah dilslamkan. Perkahwinan ini menghasilkan seorang putera yang bernama Seri Rama dan tiga orang puteri yang bernama Tok Lijah, Tok Mak Daman dan Tok Pundong.³²

Datuk Laut Dalam yang terdampar di Pulau Jawa telah berkahwin dengan wanita Jawa dan memperolehi empat orang anak perempuan yang bernama Siti Hawa, Shamsiah, Normah dan Malidi. Mengenangkan tujuan asalnya untuk ke Rembau, maka Datuk Laut Dalam telah berangkat ke Rembau bersama dengan isteri dan anak-anaknya.³³

Setibanya di Rembau, dia tidak berpuas hati apabila mendapat tahu bahawa keturunan anak-anak perempuan abangnya telah ditetapkan sebagai waris Penghulu di Rembau (ketika itu gelaran Undang di Rembau belum ada lagi). Setelah dinasihat, jalan penyelesaian diambil oleh Datuk Laut Dalam dengan pergi ke Johor untuk mendapatkan titah perintah Sultan Johor di atas perkara yang dipertikaikan. Rembau ketika itu masih lagi di bawah naungan Sultan Johor, sebagaimana teromba:

³² *Ibid*

³³ *Ibid*

*Beraja ke Johor,
Bertali ke Siak,
Bertuan ke Minangkabau,
Berpengkalan ke Melaka.*³⁴

Selepas membincangkan serta menimbangkan akhirnya Sultan Johor telah memperkenankan permohonan atau tuntutan Datuk Laut Dalam untuk menjadikan keturunannya sebagai Penghulu. Cara yang dicadangkan oleh sultan untuk menyelesaikan masalah tuntutan itu ialah dengan menikahkan Seri Rama (Datuk Lela Maharaja) anak Datuk Lela Balang dengan anak perempuan Datuk Laut Dalam iaitu Siti Hawa. Anak lelaki yang lahir dari perkahwinan itu akan dilantik menjadi penghulu selepas Datuk Lela Maharaja. Sultan juga telah mengurniakan gelaran Datuk Sedia Raja kepada keturunan Datuk Laut Dalam yang menjadi penghulu.³⁵

Apabila Datuk Laut Dalam sampai ke Rembau, satu kerapatan untuk mengishtiharkan pelantikan penghulu telah diadakan dan seterusnya membuat penyusunan semula kepimpinan masyarakat Rembau. Maka diishtiharkan keputusan sultan supaya pusaka itu digilirkan antara dua carak iaitu Carak Waris Biduanda Jakun, keturunan Tok Bungkal anak watan Rembau dan Carak Waris Jawa, keturunan isteri Datuk Laut Dalam atas kurnia Sultan Johor.³⁶ (lihat lampiran B1 dan B2).

³⁴ Abdul Samad Idris (1970), *Hubungan Minangkabau dengan Negeri Sembilan dan Kebudayaan*, Pustaka Asas Negeri, hlm. 168.

³⁵ Abdul Samad Idris (1970), *op. cit.*,

³⁶ Norhalim Hj Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 76-77.

Kesimpulannya di sini ialah jawatan Undang itu wujud di Rembau setelah kedatangan Datuk Lela Balang dan Datuk Laut Dalam yang keturunan mereka menjadi pewaris pusaka Undang. Selain daripada itu, melalui sejarah kedatangan kedua-dua Datuk ini, maka telah bermula satu sistem pelantikan di Rembau iaitu sistem giliran di dalam melantik pemimpin yang telah diilhamkan oleh sultan Johor dalam institusi pentadbiran Adat Perpatih di Luak Rembau ini. Sistem giliran ini dapat dilihat dalam pengamalan di setiap pelantikan Undang di Luak ini yang bergilir antara dua carak iaitu carak Lela Maharaja dan carak Sedia Raja (lihat jadual 1.1). Ini menjadikan cara pelaksanaan pelantikan Undang di Rembau berbeza berbanding dengan pelantikan jawatan Penghulu di tanah Minangkabau sendiri.

Jadual 1.1: Senarai Undang Luak Rembau³⁷

Bil	Nama	Waris	Kampung	Dari-hingga
1.	Dato' Seri Rama	Lela Maharaja	Kg. Kota	1540-1555
2.	Dato' Ombo	Sedia Raja	Kg. Tengah	1555-1605
3.	Dato' Lenggang	Lela Maharaja	Kg . Kota	1605-1620
4.	Dato' Pandak	Sedia Raja	Kg. Tengah	1620-1645
5.	Dato' Uban	Lela Maharaja	Kg. Chengkau	1645-1660
6.	Dato' Sagah	Sedia Raja	Kg. Tengah	
7.	Dato' Kurap	Sedia Raja	Kg. Tengah	1660-1750
8.	Dato' Sabat	Sedia Raja	Kg. Tengah	
9.	Dato' Lilinsuh	Lela Maharaja	Kg. Chengkau	1750-1790
10.	Dato' Pekak	Sedia Raja	Kg. Tengah	1790-1795
11.	Dato' Kusil	Lela Maharaja	Kg. Tebat	1795-1812
12.	Dato' Bogok	Sedia Raja	Kg. Bukit	1812-1819
13.	Dato' Nganit	Lela Maharaja	Kg. Chengkau	1819-1838
14.	Dato' Akhir	Sedia Raja	Kg. Pulau	1838-1871
15.	Dato' Hj. Sahil	Lela Maharaja	Kg. Chengkau	1871-1883
16.	Dato' Serun b. Sidin	Sedia Raja	Kg. Tengah	1883-1905
17.	Dato' Hj. Sulong b. Miah	Lela Maharaja	Kg. Gadong	1905-1922
18.	Dato' Abdullah b. Hj. Dahan	Sedia Raja	Kg. Tanjung	1922-1938
19.	Dato' Hj. Ipap b. Abdullah	Lela Maharaja	Kg. Kota	1938-1963
20.	Dato' Hj. Adnan b. Hj. Maah	Sedia Raja	Kg. Bukit	1963-1998
21.	Dato' Hj. Mohamad Sarip b. Hj. Othman	Lela Maharaja	Kg. Tebat	1998-hingga kini

Sumber: Muzium Negeri Sembilan, Seremban (2002)

³⁷ Jadual ini menunjukkan giliran secara longgar telah berlaku ke atas pelaksanaan pelantikan Undang Luak Rembau antara tahun 1660 hingga 1750. Tidak terdapat sistem giliran seperti yang sepatutnya diamalkan. Ini adalah kerana ketika itu siapa yang paling berani dan kuat bersuara maka dia lah yang akan menjadi Undang sebagaimana terombas: *Siapa kuat dialah kudrat, siapa gagah dialah gah*. Selepas dari tahun-tahun tersebut sistem giliran ini berjalan seperti biasa mengikut peraturan yang ditetapkan. (Temuramah bersama Hj. Yahaya Abd Ghani J.P., Dato' Perba, Lembaga Waris Dua Carak Suku Biduanda di Balai Undang, Rembau pada 5hb. Mac 2002).

2.1.3 Kedatangan Kuasa Barat

Rembau sebagai sebuah Kerajaan Melayu kecil di Tanah Melayu juga tidak terlepas daripada krisis politik, perperangan, kemasukan dan jajahan dari kuasa asing. Semenjak diberi restu untuk menegakkan kerajaan pada tahun 1540 oleh kerajaan Johor Lama dengan Sultan Alauddin Riayat Shah (1528-1564) sebagai pemerintah,³⁸ Rembau adalah sebuah kerajaan berkecuali dari sokongan ke atas mana-mana kuasa pemerintahan. Sehingga apabila Sultan Johor iaitu Sultan Ali Jalla Abdul Jalil Riayat Shah (1571-1597) meminta Rembau dan Naning untuk merampas Melaka dari tangan Portugis.³⁹ Justeru pada tahun 1585, berlaku perperangan dengan Portugis yang berakhir dengan perjanjian damai (tidak bertulis). Perjanjian ini menjadikan Rembau bebas dari dijajah oleh Portugis.⁴⁰

Pada tahun 1642, Rembau berperang dengan Temenggung Naning (Jan Menie) yang ketika itu dibawah takluk Belanda. Seterusnya pada tahun 1645, sekali lagi Rembau dan Naning bersekutu memerangi Belanda pula yang berakhir dengan perjanjian pada 17hb. September 1646. Perjanjian ini adalah di antara Rembau dan Shahbandar Belanda. Pada 13hb. Februari 1680, sekali lagi Rembau, Naning dan Belanda membuat perjanjian. Seterusnya kemasukan negeri Johor dalam kuasa Bugis (Belanda) pada tahun 1707, menyebabkan Rembau adalah terikat sama.⁴¹

³⁸ Norhalim Hj. Ibrahim(1995), *Ibid* , hlm. 94.

³⁹ Winstedt., R.O (1934), *Negeri Sembilan : The History, Policy and Benefits of the Nine States*, JMBRAS, 12(3), hlm. 35 – 114.

⁴⁰ Abas Haji Ali (1953), *op. cit* hlm. ix..

⁴¹ *Ibid*., hlm. x-xiii.

Apabila British mengambil Melaka dari Belanda pada tahun 1824, British hanya mengikat persetiaan perniagaan dan persahabatan dengan Rembau.⁴² Tetapi pada tahun 1832, British mula campur tangan ke atas Rembau dengan membuat satu perjanjian setelah berlakunya peperangan Naning.⁴³ Akhirnya selepas perjanjian demi perjanjian dibuat hingga pada 1887, satu perjanjian dibuat dengan British yang mencatatkan Rembau sebuah Luak yang merdeka selama hampir 400 tahun berada di bawah naungan British. Perjanjian ini telah memasukkan Rembau ke dalam persekutuan sembilan negeri dan mengaku bernaung di bawah penasihat British.⁴⁴

Perjanjian ini yang telah ditandatangani di antara British dengan Undang Rembau dan pembesar-pembesarnya juga telah mensyaratkan agar bersetuju dengan pelantikan seorang pegawai British yang berjawatan Majestret dan Pemungut Hasil Tanah untuk menyelesaikan masalah kutipan cukai dan membantu pentadbiran dan penguatkuasaan undang-undang di Rembau. Sebagai balasannya, pembesar-pembesar Rembau akan dibayar satu pertiga daripada pungutan hasil tahunan daerah itu.⁴⁵

Kesan dari perjanjian ini amat besar kepada pemimpin-pemimpin adat Luak Rembau di mana dengan wujudnya pentadbiran legal-birokrasi oleh British ini maka kredibiliti mereka telah berkurangan. Mereka telah kehilangan kuasa pentadbiran

⁴² *Ibid.*, hlm. 22

⁴³ *Ibid.*, hlm. xvi.

⁴⁴ *Ibid.*, hlm. 24

⁴⁵ Mohd Amin Hassan (1992). "Perluasan Sistem Residen ke Negeri Sembilan dan Pahang" dalam Zainal Abidin Abdul Wahid at. al (ed.), *Malaysia: Warisan dan Perkembangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 99.

baik dari segi sivil dan jenayah mahupun tentang hasil mahsul negeri. Cuma berbanding dengan ketua-ketua adat yang lain Undang telah dikekalkan kuasa dalam hal-ehwal adat dan agama. Di samping itu Undang juga telah diserap menjadi ahli tetap dalam Dewan Keadilan dan Undang.⁴⁶ Ini diperuntukan dalam Perlembagaan Negeri Sembilan.⁴⁷

Maka kesimpulannya ialah kemasukkan kuasa-kuasa Barat ke atas Rembau melalui perjanjian-perjanjian menunjukkan bahawa Portugis dan Belanda mengikat perjanjian-perjanjian tersebut hanya untuk berdamai dengan Rembau tanpa ada tujuan ingin campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran dan adat istiadat Rembau terutamanya di dalam menentukan ketua pentadbir di Luak tersebut.

Namun setelah kedatangan British ke Rembau, melalui perjanjian demi perjanjian juga maka bermulalah campur tangan dalam hal pentadbiran dengan memberi imbuhan tertentu kepada pembesar-pembesar di Rembau atas tujuan untuk mewujudkan satu sistem legal-birokrasi dengan melantik pegawai daerah, penolong pegawai daerah, penghulu dan ketua kampung sebagai pentadbir yang diberi kuasa oleh British di Luak Rembau. Tetapi British tidak pula campur tangan dalam hal ehwal pentadbiran adat (khusus hal ehwal pelantikan Undang Rembau) dan hal ehwal agama penduduk Rembau. Malahan peranan ketua-ketua adat seperti Undang, Lembaga dan Buapak masih berjalan selaras dengan sistem legal-birokrasi yang dicipta British.

⁴⁶ Lihat *Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri Sembilan* 1956, Art. VI(16), hlm. 8.

⁴⁷ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.* hlm. 11.

2.2 SISTEM PENTADBIRAN REMBAU DAN BIDANGKUASANYA

Hasil dari kesan sejarah Rembau, maka telah lahir dua sistem pentadbiran di Luak Rembau. Ini menjadikan Luak Rembau mempunyai keunikannya yang tersendiri di dalam sistem pentadbirannya. Walaupun mempunyai dua sistem pentadbiran yang berbeza tetapi berjalan seiring mengikut keperluan masyarakat setempat. Dua jenis sistem pentadbiran yang terdapat di Rembau ialah sistem Legal-Birokrasi dan sistem Adat.


2.2.1 Pentadbiran Legal-Birokrasi

Sistem Legal birokrasi ini bertujuan untuk menyelenggarakan hal ehwal pentadbiran Luak Rembau. Namun begitu, bidangkuasanya tidak termasuk dalam hal ehwal agama dan adat istiadat Luak Rembau. Ini adalah kerana agama dan adat istiadat ialah di bawah penyeliaan Undang Rembau dan para pembesarnya.

Pegawai daerah adalah jawatan tertinggi di dalam hierarki sistem pentadbiran birokrasi di Luak Rembau ini dengan Penolong Pegawai Daerah, Penghulu dan Tok Empat sebagai pembantunya (lihat rajah 2.1) Beliau memegang tugas sebagai Pemungut Hasil dan mengetuai Majlis Daerah. Tugas beliau dibantu oleh beberapa Penolong Pegawai Daerah yang ditugaskan ke atas unit-unit tanah, cukai, pembangunan dan pentadbiran (lihat lampiran C1 dan C2).⁴⁸

⁴⁸ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 3.

Rajah 2.1 : Carta Organisasi Sistem Pentadbiran Legal-Birokrasi di Luak Rembau.



Sumber: Pejabat Daerah Rembau (2002)

Daerah Rembau ini telah dipecahkan kepada 17 mukim. Ini adalah bertujuan untuk melicinkan pentadbiran. Mukim-mukim ini ditadbir oleh *Penghulu Mukim*. Terdapat 5 orang penghulu sahaja yang bertindak sebagai mentadbir 3 atau 4 buah mukim bagi setiap seorang (lihat lampiran C3). Penghulu juga adalah pengantara antara Pegawai Daerah dengan orang kampung. Apabila menjalankan tugas, seorang penghulu dibantu oleh Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK). Sebanyak 36 buah JKKK terdapat di Luak Rembau. Setiap mukim pula terdiri daripada kumpulan beberapa buah kampung. Sehingga kini, di Rembau terdapat 187

buah kampung kesemuanya. Setiap kampung dipimpin oleh ketua kampung yang dikenali sebagai *Tok Empat* (lihat lampiran C3).⁴⁹

Tok Empat juga merupakan perantara antara penghulu mukim dengan orang-orang kampung dan selalunya beliau jugalah yang menjawat jawatan pengurus (JKKK). Pengurus JKKK bertanggungjawab melicinkan perjalanan projek-projek kampung di dalam usaha membangunkan dan mengelolakan penyertaan orang-orang kampung dalam segala aktiviti dan pembangunan kampung. Ahli JKKK dilantik oleh orang kampung dan menjadi penggerak bagi berbagai aktiviti kampung. Pengurus dan Setiausaha JKKK dilantik oleh kerajaan manakala ahli-ahli yang lain berperanan mengetuai bahagian-bahagian tertentu seperti hal ehwal agama, wanita, kesihatan, kebajikan dan pendidikan.⁵⁰

Ahli JKKK ini harus bersidang setiap bulan. Penghulu mukim juga perlu hadir dan sekiranya ada perkara penting Pegawai Daerah juga turut hadir bersama. Segala keputusan yang diambil di dalam setiap mesyuarat hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Daerah. Maka jelaslah di sini bahawa JKKK amat penting di dalam segala pergerakan dan pembangunan kampung-kampung di Luak Rembau.⁵¹

Maka dapatlah disimpulkan bahawa semua jawatan dalam sistem legal birokrasi ini tidak mempunyai kuasa dalam pelantikan Undang Rembau. Walaupun

⁴⁹ *Ibid.*

⁵⁰ *Ibid.*

⁵¹ *Ibid.*

Pegawai Daerah juga tidak berfungsi dalam melantik Undang Rembau ini tetapi beliau mempunyai hak untuk berada di dalam mesyuarat melantik di Balai Undang.⁵²

Pada hari pelantikan, Pegawai Daerah adalah saksi bagi Kerajaan Negeri untuk melihat perjalanan pelantikan tersebut. Setiap pelantikan Undang baru hendaklah dilaporkan kepada Pegawai Daerah. Ini adalah kerana Pegawai Daerah yang akan menguruskan keperluan perkhidmatan semasa pelantikan dan selepasnya dan Kerajaan Negeri yang memberi peruntukan perbelanjaan di Balai Undang serta membayar gaji dan elaun kepada anggota-anggota pentadbirnya.⁵³

2.2.2 Sistem Adat

Pada zaman tradisi, sistem adat adalah menyeluruh dalam praktiknya, kerana ia meliputi perundangan hidup yang terdiri daripada undang-undang jenayah dan sivil di samping memperuntukkan kod-kod pergaulan dan norma-norma. Pada zaman kegemilangannya, adat ini kuat pegangannya dengan disokong oleh beberapa hukuman bagi setiap yang mengingkarinya. Contohnya hukuman yang berupa buang negeri, deraan fizikal dan denda disamping hukuman *informal* seperti memulaukan, mengelakkan dan juga umpatan.⁵⁴

⁵² Yahaya Abd Ghani, *op. cit.*

⁵³ *Ibid.*

⁵⁴ Norhalim Hj. Ibrahim(1995), *op. cit.*, h. 5, Abdul Majeed Muhammed Mackeen (1969), *Contemporary Islamic Legal Organization in Malaya*, New Heaven: Yale University Southeast Asia Studies, hlm.12.

Kini pelaksanaan sistem adat ini tidaklah begitu meluas sebagaimana pelaksanaannya di zaman tradisi. Segala bidangkuasa sistem adat yang bertindih dengan bidangkuasa sistem legal birokrasi, maka sistem legal birokrasi adalah terpakai. Sistem adat ini mempunyai dua kelompok pimpinan iaitu pimpinan dalam kelompok kekeluargaan dan pimpinan dalam kelompok puaknya secara menyeluruh.

2.2.2.1 Kelompok Kekeluargaan Dalam Masyarakat Adat Dan Pimpinannya.

Struktur dan organisasi politik adat ini dapat dilihat daripada perbilangan adat :


*Alam beraja,
Luak berpenghulu,
Suku berlembaga,
Anak buah berbuapak,*⁵⁵

Daripada perbilangan ini jelaslah bahawa masyarakat Rembau pada teorinya mempunyai kelompok-kelompok kekeluargaan yang terdiri daripada lapisan keturunan. Setiap kelompok kekeluargaan ini mempunyai hierarki kepimpinan. Kelompok ini juga seolah-olah berbentuk satu piramid dengan kelompok rumpun sebagai asasnya diikuti dengan Ruang, Perut dan Suku yang menjadi puncaknya. (Lihat Rajah 2.2)⁵⁶

⁵⁵ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *Adat Perpatih: Perbezaan dan Persamaannya dengan Adat Temenggung*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 112

⁵⁶ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit*, hlm. 7.

Rajah 2. 2: Pengelompokan Ahli Masyarakat Adat di Rembau



Sumber: Nurhalim Ibrahim (1995)

i. Rumpun

Rumpun adalah kelompok kekeluargaan yang paling kecil. Keahlian serumpun selalunya dihadkan kepada tiga atau empat generasi. Rumpun diketuai oleh seorang lelaki tua dalam keluarga berkenaan yang bergelar *Kadim* atau *Tua Waris* atau *Tua Rumpun*.⁵⁷

Fungsi kadim adalah memimpin dan mengatur upacara-upacara dalam kelompoknya, orang tengah dalam sebarang konflik di kalangan ahli rumpunnya, memastikan keselamatan ahli-ahli rumpunnya, mewakili kelompoknya dalam sebarang aktiviti luar rumpunnya dan wakil di dalam membuat pemilihan ketua-ketua adat lain (ruang, perut atau suku). Dengan kata lain, Kadim bertanggungjawab ke atas

⁵⁷ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op. cit*, hlm. 112

segala hal ehwal yang berkaitan dengan rumpunnya. Tetapi dari segi politik, kadim tidaklah sepenting ketua-ketua adat yang lain.⁵⁸

ii. Ruang

Kumpulan beberapa buah rumpun membentuk sebuah ruang. Keanggotaan ruang mencapai 5 atau 6 generasi. Nama setiap ruang diberi mengikut gelaran ketuanya atau tempat atau kampung ahli berkenaan.⁵⁹ *Besar* atau *Tua Ruang* adalah gelaran bagi ketua ruang yang dipilih oleh anak buahnya. Beliau mewakili kepentingan kelompok kekeluarganya. Besar tidak semestinya orang tua dalam ruangannya. Besar hanya boleh menyelesaikan pergaduhan kecil di dalam anggota ruang. Besar juga membantu dan boleh menyekat (jika perlu) kegiatan Buapak. Beliau juga mewakili Buapak dalam upacara kurang penting dalam Perut dan Suku dan menjadi orang perantaraan antara anggota Ruang dengan Buapak.⁶⁰

Besar menjadi Pegawai Lembaga di Balai Lembaga yang menyelaras (bagi pihak lembaga) dalam upacara adat dan pembayaran denda semasa menyelesaikan semua jenis perkahwinan tidak lazim melainkan bentuk ‘penyerahan’⁶¹. Besar boleh

⁵⁸ *Ibid.*

⁵⁹ Norhalim Hj. Ibrahim (1994), ‘Sistem Adat Masyarakat Negeri Sembilan’ dalam Abd. Samad Idris et al (ed), *Adat Merentas Zaman*, Negeri Sembilan : Jawatankuasa Penyelidikan Budaya Negeri Sembilan, hlm. 61.

⁶⁰ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op. cit*, hlm. 113

⁶¹ Lelaki yang merempuh masuk ke dalam rumah perempuan yang dikehendakinya kemudian mengurungkan diri bersama perempuan tersebut di dalam rumah itu . Adat ini dinamakan *menyerah* sebagai tanda berani untuk mengahwini perempuan tersebut. Mengikut Adat Perpatih, lelaki itu mestilah mengahwini perempuan tersebut dan mempersetujui apa sahaja permintaan keluarga pihak perempuan. Lelaki itu perlulah mempunyai sedikit sebanyak ilmu dan mempunyai ekonomi yang teguh sebagaimana kata teromba *Senjata nak tajam,Dada nak berisi,Emas nak banyak*. (Temuramah

mengenakan denda lebih kurang RM180 seandainya lahir anak luar nikah di kalangan anggota ruang. Besar juga akan di denda sekiranya beliau sendiri yang melakukan kesalahan dan dia boleh dipecat oleh anak buahnya.⁶²

iii. Perut

Beberapa himpunan ruang membentuk satu perut. Anggota perut boleh mengesan nenek moyangnya sehingga 6 generasi ke atas.⁶³ *Buapak*⁶⁴ ialah ketua kelompok perut. Sesuai dengan gelarannya, tugas Buapak terhad di kalangan ahli perut berkenaan sahaja. Buapak mesti mengambil tahu segala apa yang berlaku dalam perutnya. Kebajikan anak buah harus diutamakan. Bidang kuasa Buapak adalah ke atas segala kesalahan yang merosakkan kedamaian perutnya, termasuk pergaduhan yang dikatakan sebagai : *Luka cungit, pecah berdarah*. Dalam kes terakhir ini, dia hanya berkuasa ke atas luka-luka yang terkena pada bahagian badan yang tertutup oleh pakaian. Kejadian-kejadian yang melibatkan patah atau cacat anggota adalah di luar bidang kuasa Buapak untuk menyelesaiannya.⁶⁵

Buapak adalah mewakili kelompok keluarganya apabila melibatkan kelompok-kelompok lain dalam sukunya. Buapak juga berperanan dalam hal adat

bersama Dato' Andatar Mohd. Nor Ismail, Datuk Enam Istana Besar Seri Menanti, Lembaga Seri Lemak Pahang Lingkungan pada 3hb. Mac 2002)

⁶² Norhalim Ibrahim (1993), *op. cit.*,

⁶³ Norhalim Ibrahim (1994), *op. cit.* hlm. 61

⁶⁴ Perkataan Buapak itu adalah cantuman daripada perkataan 'ibu' dan 'bapa' yang membawa maksud sebagai ibubapa atau punca zuriat di dalam sesuatu keluarga. Peranan buapak yang mengetuai Perut disamakan fungsiannya dengan ibubapa mengetuai keluarga.(Abdul Samad Idris (1994), *Negeri Sembilan : Luak Tanah Mengandung* , Negeri Sembilan: Penyelidikan Budaya Muzium Negeri, hlm. 268.)

⁶⁵ Norhalim Ibrahim (1993), *op. cit.*, hlm. 144

istiadat dan upacara-upacara lain yang melibatkan penyembelihan kambing dan setaraf dengannya.⁶⁶ Anak buah menjemput Buapak dengan memuliakan mereka dengan alat-alat kebesaran sebagaimana teromba;

*Aturan Buapak dalam anak buahnya,
Seekor kambing adatnya,
Tilam bujur, bantal bersusun,
Tabir terpasang,
Langit-langit terbentang,
Rebana dipukul,
Inai ditarikan,
Buapak seadat dengan besar.*

Sekiranya adat istiadat sebagaimana di atas dilakukan tanpa menjemput Buapak, maka keluarga yang mengadakan adat istiadat atau kenduri akan dianggap telah melakukan kesalahan adat dan dikenakan denda.⁶⁷ Buapak juga dipilih secara bergilir-gilir di kalangan perut dalam suku berkenaan. Pelantikan Buapak memerlukan pengesahan dari Lembaga Suku.⁶⁸ Kedudukan Buapak adalah diibaratkan sebagai;

*Berangan yang tumbuh di lepan,
Bertunas daripada rumpunnya.⁶⁹*

iv. Suku

Suku adalah kelompok keturunan yang terbesar. Ia terdiri lebih daripada satu buah perut. Suku terdiri daripada sekelompok manusia yang mengakui diri mereka

⁶⁶ *Ibid*

⁶⁷ Abdul Samad Idris (1994), *op. cit.*, h. 271. Norhalim Ibrahim (1994), *op. cit.* hlm. 62.

⁶⁸ *Ibid.* hlm. 270.

⁶⁹ *Warisan* (1989), Jurnal Persatuan Sejarah Malaysia bil. 13, hlm. 60

mempunyai hubungan kekeluargaan antara satu sama lain. Kaitan ini melalui perhubungan darah sebelah ibu atau melalui proses anak angkat yang dikenali sebagai ‘berkadim’.⁷⁰ Tiap-tiap anggota Suku mengakui bahawa mereka berasal dari nenek moyang yang sama walaupun mereka tidak tinggal di tempat yang sama.

Sebagaimana terombas:

*Sehalaman sepermainan,
Seperigi sepermandian,
Sejamban seperlombongan.*

Secara idealnya terdapat 12 suku di Luak Rembau. Tetapi oleh kerana ada pecahan penempatan tadi, maka terdapat lebih dari 12 suku kesemuanya (lihat lampiran D1).⁷¹

Ketua suku dipanggil *Lembaga* dan mempunyai gelaran tertentu. Adakalanya perkataan Lembaga memberi pengertian *majlis* dalam Lembaga Tiang Balai.⁷² Lembaga dipilih melalui kebulatan Buapak, yang lazimnya terdiri dari beberapa orang ketua Perut dalam Suku. Pemilihan tersebut hendaklah mengikut giliran, kerana di dalam satu Suku itu banyak Perut yang boleh mewarisi pusaka Lembaga itu. Kebiasaannya jawatan tersebut merupakan pusaka bergilir di kalangan perut-perut dan tidaklah tetap di dalam sesuatu perut sahaja.⁷³

Lembaga berfungsi mentadbir sokongan dan menyelesaikan masalah-masalah yang berhubung dengan adat, harta pesaka, penceraian, pertelingkahan dan

⁷⁰ Berkadim bermaksud sahabat atau saudara dekat

⁷¹ Norhalim Ibrahim (1995), *op. cit.* hlm. 9.

⁷² Lembaga Tiang Balai ialah Orang Besar Undang yang bergelar kepala Undang dan tongkat sokong kepada Lembaga. Lembaga Tiang Balai lebih tinggi kedudukannya daripada Buapak. Mereka adalah sebagai penasihat dan menyampaikan perkara-perkara yang disabda oleh Undang sahaja.

⁷³ Zulkepley Dahalan (1994), “Sistem Pemilihan Ketua Adat” dalam Abdul Samad Idris et.al (ed.), *Adat Merentas Zaman*, hlm. 10.

sebagainya dalam Sukunya. Jika Lembaga tidak dapat mencari penyelesaian, maka perkara tersebut akan dibawa kepada pengetahuan Undang.⁷⁴ Segala kegiatan, sama ada ekonomi ataupun sosial contohnya kenduri, yang mengorbankan sekor kerbau atau lembu, kehadiran Lembaga adalah diperlukan. Ketua-ketua di bawah Lembaga harus hadir sama apabila Lembaga hadir di satu-satu upacara. Segala kegiatan dalam suku harus dalam pengetahuannya.⁷⁵

Jawatan lembaga adalah seumur hidup, tetapi ia juga boleh dipecat oleh anak buahnya sekiranya ada melakukan kesalahan sebagaimana perbilangan:

*Melindungkan, mengendapkan,
Pecah, menghilangkan,
Mencacatkan,
Terkurung mati.*

Undang sahaja yang boleh memecatkan seorang Lembaga sekiranya beliau melakukan kesalahan sebagaimana perbilangan;

*Derhaka, celaka,
Dahaga-dehagi,
Rumbun-terbakar,
Tikam-bunuh,
Upas-racun,
Sumbang-salah.⁷⁶*

Sebagai pembesar, Lembaga harus hadir di Balai Undang apabila dipanggil untuk membincangkan masalah Luak dan beliau juga terlibat dalam upacara adat di Balai Undang. Kuasa Lembaga mempunyai had sebagaimana yang tergambar dalam teromba;

⁷⁴ Warisan (1989), *op. cit.* hlm. 10.

⁷⁵ Norhalim Hj. Ibrahim (1994) *op. cit.*, hlm. 62

⁷⁶ Ibid (1995) *op.cit.*, hlm. 10

*Pusaka Lembaga bersekat,
Lembaga berlingkungan,
Tali pengikat pada Lembaga,
Kata pemutus pada Lembaga,
Sah batal pada Lembaga.*⁷⁷

Secara ringkasnya, Lembaga di dalam masyarakat adat bukan sahaja sebagai hakim tetapi beliau juga sebagai pengantara yang berkaitan dengan masalah individu, kekerabatan dan masalah setempat yang melibatkan anggota Sukunya. Datuk Lembaga adalah simbol kekuatan aturan adat dan sistem hak milik tanah pusaka Suku yang menjadi tanggungan kepada aturan itu. Lembaga adalah tonggak penyokong dan penjaga adat yang kuat.⁷⁸

2.2.2.2 Struktur Pemimpin Adat Dalam Luaknya

- i. Undang Rembau dan Bidang Kuasanya.

Undang duduk di puncak hierarki politik dan kepimpinan adat (lampiran D2). Beliau adalah ‘Raja’ dalam Luaknya. Sebagai raja beliau sering dianggap ‘berdaulat’ oleh rakyat Luaknya. Undang mempunyai kuasa penuh dalam Luaknya, sejajar dengan teromba;

*Boleh menghitam dan memutihkan,
Boleh memanjang dan memendekkan,
Boleh mengesah dan membatalkan;*

dan

⁷⁷ Norhalim Hj. Ibrahim (1993), *op. cit.* hlm. 117

⁷⁸ *Ibid.*

*Keris penyalang kepada Undang,
Hidup mati kepada Undang.*⁷⁹

Tetapi semenjak diadakan keadilan, ada yang berpendapat bahawa kuasa-kuasanya telah terhad kepada :

*Kata bercari kepada Lembaga,
Sah batal kepada Undang,
Hidup mati kepada keadilan.*⁸⁰

Undang memegang peranan sebagai pentadbir dan hakim dalam menjalankan tugasnya. Sebagai pentadbir Undang dibantu oleh Lembaga Tiang Balai yang terdiri daripada lapan orang. Undang mestilah berbincang dan mendapat pandangan jemaah ketua-ketua adat ini dalam hal-hal Luaknya. Undang boleh memecat Lembaga jika didapati Lembaga menyeleweng kuasa seperti memberi perlindungan kepada orang yang salah, membuat tuduhan palsu, menyebabkan kerugian yang tidak sepatutnya, mendapat untung secara haram, membusukkan nama Suku dan berkelakuan sumbang:

*Melindungkan, mengendapkan,
Pecah, menghilangkan,
Mencacatkan,
Terkurung mati.*⁸¹

Undang juga boleh memecat Lembaga jika Lembaga didapati bersalah melampaui had kuasanya, umpamanya, kesalahan-kesalahan yang patut diselesaikan oleh Undang diselesaikannya sendiri. Selain dari Lembaga Tiang Balai yang ada pengaruh pada Undang ialah Suku Undang itu sendiri. Pendapat Suku Undang

⁷⁹ *Ibid*, hlm. 118.

⁸⁰ *Ibid*

⁸¹ Nordin Selat (1982), *Sistem Sosial Adat Perpatih*, Kuala Lumpur : Anggota Kumpulan Utusan Melayu, hlm. 67-69.

disuarakan melalui jemaah empat orang yang dipanggil *Orang Besar Undang*. Undang hanya boleh campur tangan dalam hal Suku jika perkara itu dipanjangkan kepadanya oleh Lembaga dan Orang Besar Undang. Di Balai Undang ada tiga kategori sahaja yang boleh bercakap tanpa kebenaran. Mereka ialah Orang Besar Undang, isteri Undang dan anak di luar nikah.⁸²

Undang mempunyai obligasi tertentu terhadap anak haram. Sekiranya lelaki yang berkenaan tidak dapat dipastikan sama sekali setelah Pegawai Agama berusaha mencari lelaki yang terlibat, hal itu dibawa kepada Undang. Anak-anak yang lahir dalam keadaan begini adalah seperti kata teromba:

*Tanam tak berbenih,
Tumbuh tak bermata,*

Anak itu di bawah hukum adat menjadi anak Undang. Anak itu tinggal dengan ibunya. Undang memberi belanja untuk anak itu (belanja menyusukan). Sekiranya anak itu perempuan, Undang membayar belanja perkahwinannya kelak. Sekali-sekala anak itu melawat Undang⁸³

Undang dan Jemaah Tiang Balai juga berfungsi sebagai mahkamah rayuan bagi mengubah atau menyokong keputusan-keputusan Lembaga. Sokongan Undang, umpamanya, amat perlu untuk mendapatkan hutang dari Suku Waris, iaitu suku Undang. Undang sahajalah yang boleh memaksa menjelaskan hutang tersebut. Undang juga boleh menjadi Lembaga sesuatu Suku dalam keadaan tertentu. Suku yang demikian dikatakan ‘tergantung kepada Undang’. Keadaan ini berlaku bila

⁸² *Ibid.*

⁸³ *Ibid.*

sesuatu Suku atau sebahagian daripada sesuatu Suku itu berselisih faham dengan Lembaganya. Suku itu kemudian mengadu kepada Undang. Undang sebagai jalan penyelesaian mengambil alih Suku itu. Suku itu boleh dikembalikan semula kepada Lembaga asalnya dengan persetujuan Undang.⁸⁴

Peranan Undang sebagai hakim pula mestilah berpegang dan berlandaskan kepada peraturan adat. Tetapi Undang boleh menggunakan budi bicaranya sendiri, seperti meringankan hukuman, memaafkan yang bersalah dan sebagainya sebagaimana kata teromba:

*Sumbing boleh dititik,
Patah boleh digempal.*

Beberapa hal mesti dihakimkan oleh Undang. Hal-hal ini ialah derhaka, menentang kuasa ketua adat, salah guna kuasa oleh ketua-ketua adat, bakar, tikam, bunuh, racun dan kelakuan sumbang jantina. Kesalahan-kesalahan tidak boleh diadilkan melainkan oleh Undang sendiri kerana kesalahan-kesalahan ini dianggap berat sehingga boleh membina sakanan Adat Perpatih.⁸⁵

Pada masa kini, kuasa Undang termasuklah melantik Menteri Besar dan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri, memberi persetujuan untuk Dewan Negeri, bertanggungjawab dalam hal agama Islam dan adat istiadat Melayu, memberi persetujuan kepada pelantikan orang-orang berpangkat, mempersetujui Rang

⁸⁴ *Ibid.*

⁸⁵ *Ibid.*

Undang-undang dan menjaga kedudukan perlembagaan. Keputusan Undang adalah muktamad dalam apa-apa perbicaraan⁸⁶.

Walaupun pusaka Undang itu adalah jawatan seumur hidup, namun beliau boleh dipecat sekiranya melanggar hukum dan peraturan adat yang telah ditentukan, termasuklah kecacatan peribadi sebagaimana terombra “*Orang beradat tidak tahu akan adatnya, gugur pusakanya*”. Pemecatan seorang Undang Luak hanya boleh dilakukan oleh Dato’-dato’ Lembaga Tiang Balai sebagai sebuah badan dan dipersetujui oleh Buapak Lapan Kampung, Orang Besar Undang dan Dato’ Perba.⁸⁷

Kesimpulannya, Undang bukan sahaja berkuasa dalam hal Luaknya dan berkuasa menjalankan hukum adat di atas Lembaga-lembaga Luaknya, bahkan ia juga berkuasa di dalam memberi persetujuan dalam mana-mana pelantikan dan keputusan-keputusan tertentu di dalam sistem birokrasi. Biarpun begitu kuasa Undang kini kebanyakannya hanya tertumpu kepada pentadbiran adat sahaja dan bidang kuasanya sedikit demi sedikit berkurangan dan bergantung kepada kuasa yang dibenarkan oleh Perlembagaan Malaysia.

ii. Majlis Penasihat Undang dan Bidang Kuasanya.

Sebagaimana mana-mana organisasi, badan-badan atau pertubuhan, selain daripada pemimpin atau ketua yang menerajui puncak setiap institusi tersebut,

⁸⁶ *Ibid.*

⁸⁷ *Ibid.*

terdapat juga pembesar-pembesar yang menjadi pembantu atau menjadi tonggak sokongan. Iaitu dalam erti kata lain, mereka yang menjadi penggerak dalam menguruskan hal ehwal pentadbiran dalam sesebuah institusi itu.

Begitu juga dalam pentadbiran Luak Rembau, selain Undang, terdapat Majlis yang menjadi pembantu di dalam mengelolakan hal ehwal Luak iaitu yang pertama *Majlis Orang Besar Undang*, yang juga dikenali sebagai ‘Pegawai-pejawai pada Undang’ atau ‘Tongkat Sokong Pada Lembaga’⁸⁸, yang kedua *Majlis Lembaga Delapan*, yang juga dikenali sebagai ‘Lembaga Tiang Balai’ atau ‘Tulang Urat Undang’ dan ketiga *Majlis Lembaga Yang Dua Belas*.

Majlis orang Besar Undang adalah terdiri daripada :

- a. Dato' Raja Diraja daripada Suku Biduanda Jakun Kampung Chembung. Beliau adalah Setiausaha Undang dan bertanggungjawab dalam hal-ehwal agama.
- b. Dato' Menteri Lela Perkasa, daripada Suku Biduanda Jakun Kampung Chengkau dan bertanggungjawab tentang hal kehakiman Luak.
- c. Dato' Shahbandar. Pelantikannya bergilir antara kedua-dua waris suku tersebut. Beliau bertanggungjawab mengutip cukai ke atas barang-barang masuk ke Luak Rembau.

⁸⁸ *Ibid.*, hlm. 75.

d. Dato' Mangkubumi daripada Suku Biduanda Jawa Kampung Kota. Tugas beliau menyimpan kira-kira pendapatan Luak dan menjaga perbendaharaan. Pengutipan cukai dijalankan oleh Buapak yang menyerahkannya kepada lembaga suku masing-masing. Dato'-dato' Lembaga pula akan menyerahkannya kepada Dato' Mangkubumi.

Jadi, dalam hal ehwal yang berkaitan pentadbiran dalam negeri, Dato' yang empat inilah yang membantu Undang. Secara ideal, Undang dan pembesar ini tidak boleh bertindak sebelum mendapat nasihat daripada Lembaga Tiang Balai. Pembesar ini tidak terlibat dalam pemilihan atau pelantikan Undang.⁸⁹

- Manakala Lembaga Tiang Balai adalah satu badan yang berfungsi sebagai penasihat Undang dalam mentadbirkan hal ehwal dalam dan luar Luak Rembau. Kebulatan Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai ini diperlukan sebelum Undang mengambil sesuatu tindakan. Di samping itu, segala perjanjian atau persetujuan antara Rembau dengan pihak lain dianggap tidak sah tanpa tandatangan kesemua ahli Lembaga Tiang Balai.⁹⁰

Pada asalnya Lembaga Tiang Balai hanya terdiri daripada empat Lembaga di Baruh. Walau bagaimanapun dalam tahun 1831 dilakukan perubahan dengan penambahan empat Lembaga di Darat.⁹¹ Namun hanya Lembaga di Baruh sahaja

⁸⁹ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 6.

⁹⁰ *Ibid.*

⁹¹ Hooker, M.B. (1971), *The Early Constitution of Negeri Sembilan*, dalam JMBRAS, 44(1), hlm. 169.

yang terlibat dalam pelantikan Undang.⁹² Dato'-dato' Lembaga Tiang Balai ini terdiri daripada :⁹³

- a. Dato' Gempa Maharaja, Lembaga Suku Hampar Baruh.
- b. Dato' Merbangsa, Lembaga Suku Paya Kumbuh Baruh.
- c. Dato' Samsura Pahlawan, Lembaga Suku Mungkal Baruh.
- d. Dato' Bangsa Balang, Lembaga Suku Tiga Nenek Baruh.
- e. Dato' Seri Maharaja, Lembaga Suku Paya Kumbuh Darat .
- f. Dato' Sinda Maharaja, Lembaga Suku Selemak.
- g. Dato' Andika, Lembaga Suku Batu Belang.
- h. Dato' Mendelika, Lembaga Suku Semelenggang.

Terdapat juga Dato' Lembaga Yang Dua Belas yang merupakan pelengkap kepada sistem jemaah adat bagi pentadbiran Luak Rembau. Mereka terdiri daripada:⁹⁴

- a. Dato' Perba, Lembaga Suku Biduanda Waris Dua Carak.
- b. Dato' Puteh, Lembaga Suku Batu Hampar (Petani).
- c. Dato' Ganti Maharaja, Lembaga Suku Anak Melaka.
- d. Dato' Raja Senara, Lembaga Suku Tanah Datar.
- e. Dato' Lela Wangsa, Lembaga Suku Anak Aceh.
- f. Dato' Setia Maharaja, Lembaga Suku Biduanda.
- g. Dato' Sutan Bendahara, Lembaga Suku Batu Hampar.

⁹² Ini kerana penerokaan mereka di Rembau Darat adalah lebih terkemudian dari peneroka-peneroka di Rembau Baruh. Dari segi otoriti melantik Undang, Lembaga Tiang Balai di Baruh adalah lebih. (Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*, hlm. 85.)

⁹³ *Ibid*. hlm. 6.

⁹⁴ *Ibid*.

- h. Dato' Ngiang, Lembaga Suku Mungkal.
- i. Dato' Maharaja Inda, Lembaga Suku Tanah Datar.
- j. Dato' Dagang, Lembaga Suku Seri Semelenggang.
- k. Dato' Panglima Dagang, Lembaga Suku Tiga Nenek.
- l. Dato' Mengkuto, Lembaga Suku Seri Semelenggang.

Walaupun begitu Lembaga Yang Dua Belas ini tidak mempunyai hak untuk bersuara dalam pemilihan Undang. Sekiranya terdapat di kalangan mereka yang tidak bersetuju dengan keputusan pemilihan seseorang Undang kedudukan pemilihan tidak akan terjejas kecuali bagi jawatan Dato' Perba. Beliau bertugas sebagai pengurus di dalam mesyuarat yang berkaitan dengan adat istiadat pelantikan Undang yang baru selain jawatan sebagaimana Dato'-dato' Lembaga yang lain dalam menguruskan adat istiadat, harta pusaka yang dalam lingkungan anak buahnya. Begitu juga apabila terdapat pertelingkahan dalam pelantikan Undang, Dato' Perba berkuasa melantik salah seorang dari calon Undang yang mendapat sokongan majoriti dari ahli majlis.⁹⁵

Kesimpulan dari susunan kelompok-kelompok masyarakat dan pemimpin dalam sistem adat ini jelas menunjukkan bahawa tiap-tiap kelompok keluarga mempunyai pemimpinnya tersendiri dan berkuasa dalam ruang lingkup yang tertentu pula. Buapak memimpin Perutnya, Lembaga memimpin Sukunya dan Undang memimpin Luaknya. Gembelingan sumbangan mereka inilah yang mengelokkan

⁹⁵ Yahaya Abd Ghani (1995), *op. cit.*

negerinya; *Elok Negeri Kerana Penghulu*.⁹⁶ Manakala kedudukan Undang adalah yang tertinggi dari segi bidang kuasanya dalam sistem adat di peringkat Luak Rembau sahaja.

Juga jelas di sini bahawa setiap pemimpin kelompok masyarakat dalam sistem adat ini mempunyai tugas yang dapat dibahagikan kepada dua iaitu ‘tugas ke dalam’ dan ‘tugas ke luar’. Tugas ke dalam ialah bertanggungjawab pada segala hal ehwal kelompok yang dipimpinnya seperti mengawasi harta pusaka, menjaga tata tertib anak buah dan menyelesaikan masalah-masalah anak buah. Tegasnya tugas ke dalam ini ialah memelihara dan menasihati anak buahnya. Tujuan mereka adalah *menyuruh berbuat baik, mlarang berbuat jahat*.⁹⁷

Tugas ke luar pula ialah mewakili kelompoknya dalam hubungan dengan kelompok-kelompok lain. Kalau Buapak mewakili Perutnya, Lembaga mewakili Suku dan Undang mewakili Luaknya. Mereka berkewajipan untuk mengemukakan, mempertahankan dan memperjuangkan kepentingan kelompok mereka.⁹⁸

Pemimpin setiap kelompok itu selalunya adalah dipimpin daripada kalangan ahli keluarga yang paling *senior* berdasarkan, pengetahuan, pengalaman dan syarat-syarat peribadi lain yang ditentukan oleh adat. Selain itu, kesemua ketua adat yang tersebut di atas adalah jawatan seumur hidup. Tetapi jikalau seseorang ketua itu

⁹⁶ Norhalim Hj. Ibrahim (1995), *op. cit.*,

⁹⁷ *Ibid.*

⁹⁸ *Ibid.*

melakukan kesalahan tertentu seperti yang dilarang oleh adat, ia boleh dipecat oleh ketua-ketua yang melantiknya dahulu.

Melalui sistem adat juga ini maka setiap individu berperanan dalam masyarakatnya. Kedudukan dan peranan seseorang individu di dalam masyarakatnya lah yang dengan sendirinya membentuk satu struktur masyarakat dan organisasinya. Untuk mewujudkan keadaan stabil dan berperaturan di dalam masyarakat sistem Perpatih, adat telah memainkan peranannya di dalam segala institusi-institusi yang ada di dalam masyarakat itu. Melalui institusi ini pulalah segala unsur adat itu disalurkan yang bertindak sebagai salah satu alat untuk mengawal perlakuan-perlakuan manusianya.⁹⁹

2.3 KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, penghijrahan orang Minangkabau banyak membawa pembaharuan kepada Luak Rembau yang pada mulanya tidak mempunyai norma-norma yang khusus untuk dibuat pegangan. Tetapi orang Minangkabau ini tidaklah membawa seratus peratus sistem Adat Perpatih yang mereka amalkan di tanah Minangkabau melainkan mereka membuat banyak perubahan-perubahan yang mengikut keadaan semasa di Rembau itu sendiri. Contohnya dapat kita lihat pengamalan sistem giliran (dalam keturunan Waris Dua Carak) dalam pelantikan

⁹⁹ Mokhtar Hj. Md Dom(Hj) (1977), *Adat Perpatih dan Adat Istiadat Masyarakat Malaysia*, Kuala Lumpur: Federal Publication, hlm. 26.

Undang Luak Rembau dan gelaran Undang itu sendiri sebenarnya adalah satu sistem dan gelaran yang telah diasimilasikan mengikut realiti semasa di Rembau ketika itu. Jelas di sini fleksibelnya sistem adat ini yang mampu menerima perubahan mengikut keadaan, masa dan tempat.

Seterusnya melalui tuntutan masa dan keadaan juga menyebabkan sistem adat di Rembau ini terpaksa berkongsi bersama dengan sistem legal birokrasi dalam menjalankan pentadbiran Luak Rembau. Namun sistem baru ini tidak mengganggu gugat atau mencampuri dalam urusan adat istiadat dan agama amnya termasuk pelantikan Undang khususnya.

Maka sistem pelantikan Undang di Luak Rembau ini jelas merupakan satu sistem yang tersendiri yang lahir dari hasil sejarah Rembau. Pengamalannya secara keseluruhannya tetap terpelihara dan menjadi salah satu lambang keunikan sistem Adat Perpatih di Luak Rembau, Negeri Sembilan.

Malahan melalui rentetan sejarah Rembau maka didapati telah berlaku perubahan dari aspek kuasa ke atas Rembau. Iaitu bermula di bawah kuasa kerajaan Melayu Melaka ke kerajaan Johor kemudian di bawah kuasa British yang akhirnya berada di bawah kerajaan Malaysia. Perubahan kuasa ini sebenarnya hanya memberi kesan kepada bidang kuasa Undang dalam melaksanakan tugas dari segi pentadbiran tetapi dari segi pelantikan Undang dan lain-lain pelantikan pemimpin adat, kuasa melantik masih di bawah kuasa pengamal sistem adat.